



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

J. Pendid. Pk. (Am) 4320/4/1

Jld-5



Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/2 Jld. 4 (30)
Tarikh: 13 November 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,



**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 9 TAHUN 2017**

**PELAKSANAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENGURUSAN
SISA PEPEJAL DAN AMALAN REDUCE, REUSE, RECYCLE (3R) MERENTAS
KURIKULUM PRASEKOLAH**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan Pelaksanaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan *Reduce, Reuse, Recycle* (3R) Merentas Kurikulum Prasekolah di semua institusi pendidikan prasekolah yang menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) mulai tahun 2018.

2. Pelaksanaan Modul PdP Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2017.
3. Modul PdP Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah dibangunkan dengan kerjasama KPM dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam sebagai panduan bagi membantu guru prasekolah untuk menyampaikan maklumat berkaitan pengurusan sisa pepejal dan amalan 3R secara lebih teratur.


4. Berdasarkan peruntukan dan spesifikasi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) (Semakan 2017), modul ini boleh dilaksanakan semasa Pembelajaran Bersepadu yang merangkumi aktiviti rutin (Perbualan Awal, Rehat dan Aktiviti Penutup) dan Aktiviti Pembelajaran.

5. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI AMINUDIN BIN ADAM)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk.:

1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Menteri Pendidikan I
3. Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
9. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
10. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia